# LATIHAN KATA MAJMUK

Nama : ..... Kelas : .....

**Pilih kata majmuk di bawah dan isikan tempat kosong dengan kata majmuk yang betul.**

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| reka cipta | tandatangan | hijau tua | matahari | tikar mengkuang |
| baja organik | setiausaha | sisa toksik | cincin belah rotan | roti jala |
| kemas kini | ais krim durian | kitar semula | warganegara | Suruhanjaya |

1. Pak Samad menggunakan ..... bagi menggalakkan pokok mangganya berbuah lebat.
2. Pembuangan ..... yang tidak terkawal boleh menyebabkan pencemaran air berlaku.
3. Abang membawa ..... dan kari yang ibu sediakan sebagai bekalannya di sekolah.
4. Tumbuh-tumbuhan memerlukan cahaya ..... untuk membuat proses fotosintesis.
5. Aktiviti ..... boleh dilakukan dengan mengasingkan sisa pepejal di dalam rumah.
6. "Kamu perlu ..... pada borang ini sebelum mendaftar," kata Saleha kepada Devi.
7. Hasil anyaman ..... itu mendapat perhatian ramai pelancong dari luar negara.
8. Puan Anita mengenakan kebaya berwarna ..... sempena Hari Raya Aidilfitri.
9. Kakak telah menerima sebentuk ..... pada hari pertunangannya yang berlangsung pada minggu lepas.
10. "Minta ibu bapa kamu ..... data peribadi kamu secara atas talian di rumah nanti," minta Cikgu Zulaika kepada Chong.
11. ..... Pencegahan Rasuah Malaysia telah mengadakan serbuan di beberapa pusat perniagaan tidak berlesen beberapa hari lepas.
12. Laporan aktiviti Program Gigi Bersih dan Sihat itu disediakan oleh ..... Kelab Kesihatan SK Seri Gemilang.
13. Semua ..... Malaysia dinasihatkan agar mengambil suntikan vaksin untuk mencegah penularan COVID-19.
14. Hasil ..... replika menara menggunakan logam itu telah dinobatkan sebagai juara dalam Pertandingan Inovasi 2021.
15. Jualan ..... di kedai itu mendapat sambutan yang amat menggalakkan kerana rasanya yang sangat lazat.

LIVEWORKSHEETS